

# Malaysia kekal

BH 2 1 SEP 2000

MALAYSIA akan mengekalkan dasar kawalan modal berpilih yang diperkenalkannya dua tahun lalu walaupun ekonomi negara kini sudah menunjukkan tanda pemulihan yang pantas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam temu bual dengan akhbar ekonomi dan kewangan Jerman, Handelsblatt, berkata Malaysia akan mengekalkan kadar ringgit pada paras RM3.80 berbanding dolar Amerika.

Rencana temubual itu yang disiarkan kelmarin,

**Dr Mahathir menyangkal pendapat yang mendakwa penurunan nilai ringgit secara drastik daripada RM2.50 berbanding AS\$1 kepada RM3.80 sekarang lebih banyak membantu berbanding kawalan modal yang dilaksanakan**

memetik Dr Mahathir sebagai berkata, Malaysia akan hanya membebaskan ringgit apabila dunia meng-

isytiarkan perdagangan mata wang tidak dibenarkan.

Artikel yang ditulis

Christoph Rabe itu menerangkan dengan panjang lebar mengenai kawalan modal berpilih yang dilaksanakan Malaysia yang mendapat kritikan daripada sesetengah negara Barat.

Dr Mahathir juga menyangkal pendapat yang mendakwa penurunan nilai ringgit secara drastik daripada RM2.50 berbanding AS\$1 kepada RM3.80 sekarang lebih banyak membantu berbanding kawalan modal yang dilaksanakan.

"Anda perlu melihatnya daripada dua perspektif.

## kawalan modal

Bahan mentah dan produk asas bagi barangan eksport Malaysia diinvois dalam dolar AS. Ia memberikesan buruk kepada industri terutama elektronik kerana kos asas naik ketara," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir juga mengulangi bidasannya terhadap sikap spekulator matawang asing yang tidak bertimbang rasa kerana memusnahkan pertumbuhan di negara Hari-mau Asia dari hari ke hari.

"Pedagang mata wang asing menyebabkan kerugian sebanyak AS\$250 bilion (RM950 bilion) di pa-

saran mata wang dan modal. Dan semua itu dilakukan untuk keuntungan hanya AS\$5 bilion (RM19 bilion). Ia adalah 'kerja gila,' katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka yang melakukan perniagaan dengan cara itu akan memusnahkan pembangunan.

Menurut Perdana Menteri, pihaknya yakin bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tahun ini akan melebihi kadar pertumbuhan tahun lalu iaitu 5.8 peratus.

Menurut akhbar itu, pen-

capaian tidak rasmi setengah tahun Malaysia memberi asas kepada pandangannya. KDNK Malaysia dilaporkan tumbuh pada kadar 10.3 peratus dalam tempoh setengah tahun pertama tahun ini.

Teknologi canggih dan teknologi maklumat adalah faktor utama yang akan membantu pembangunan ekonomi pada masa depan, kata Dr Mahathir.

Beliau juga menjelaskan bahawa Malaysia berhasrat untuk mengurangkan pergantungan Malaysia kepada pekerja asing menerusi pembangunan tek-

nologi.

Dalam temu bual itu, Perdana Menteri juga mempertahankan dasar kerajaan yang melindungi golongan Bumiputera bertujuan untuk mengurangkan jurang perbezaan kekayaan antara Melayu dan bukan Melayu.

Kerajaannya menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat milik negeri yang menyediakan pekerjaan kepada orang Melayu.

"Tanpa bantuan, beribu-ribu rakyat akan kehilangan pekerjaan mereka," katanya.